



BERITA MUSLIMIN

PROGRAM TADARUS AL-QURAN BULAN RAMADAN KMMB

Program Tadarus Al-Quran telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan yang lalu dengan penglibatan semua kakitangan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB). Program ini bertujuan untuk mengimarahkan bulan yang mulia ini di samping menggalakkan amalan membaca, memahami serta menghayati Al-Quran dalam kalangan warga kerja.

Pelaksanaan program ini dijalankan secara berkumpulan mengikut jadual yang telah ditetapkan, di mana setiap kumpulan bertanggungjawab membaca beberapa juzuk Al-Quran sehingga khatam menjelang akhir Ramadan. Program ini turut membuka ruang kepada para peserta untuk memperbaiki bacaan, meningkatkan tajwid serta memperkukuh kefahaman terhadap maksud ayat-ayat suci Al-Quran melalui perkongsian sesama rakan sekerja.

Program ini bukan sahaja memberi manfaat dari segi kerohanian, malah turut menyumbang kepada pembentukan sahsiah diri yang lebih baik, meningkatkan disiplin serta mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif dan seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Ia juga mencerminkan usaha berterusan KMMB dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam budaya kerja harian.

Diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dengan pengisian yang lebih pelbagai, seperti sesi tazkirah, tadabbur Al-Quran dan aktiviti kerohanian lain.



DAURAH TARBIYAH JKPK SELANGOR 2026



Program Daurah Tarbiyah Jawatankuasa Perhubungan Kawasan (JKPK) Selangor bertemakan “Membangun Usahawan Muslim” telah berlangsung dengan jayanya pada 14 hingga 15 Februari 2026 bertempat di Anjung Rahmat, Bandar Baru Bangi.

Program Daurah Tarbiyah Jawatankuasa Perhubungan Kawasan (JKPK) Selangor bertemakan “Membangun Usahawan Muslim” telah berlangsung dengan jayanya pada 14 hingga 15 Februari 2026 bertempat di Anjung Rahmat, Bandar Baru Bangi.

Program ini bertujuan membentuk kefahaman peserta terhadap konsep keusahawanan berteraskan iman, akhlak dan prinsip muamalat Islam. Sepanjang program, pelbagai pengisian telah dilaksanakan termasuk ceramah berkaitan ciri usahawan Muslim, fiqh muamalat serta pembangunan jaringan perniagaan.

Seramai 29 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini yang terdiri daripada anggota koperasi dan jawatankuasa berkaitan. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan serta memberi impak positif dalam memperkasa pembangunan usahawan Muslim.

Anugerah Cemerlang UPKK 2024: Inisiatif KMMB Mengiktiraf Pelajar 9A

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) pada tahun 2024 telah meluluskan cadangan untuk memberi sumbangan Anugerah Cemerlang dalam kategori Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) yang memperoleh 9A dengan jumlah RM50.

Inisiatif ini merupakan salah satu usaha koperasi dalam menghargai pencapaian akademik pelajar serta memberi galakan kepada pelajar untuk lebih cemerlang di masa akan datang.

Permohonan hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan maklumat yang diperlukan serta melampirkan dokumen sokongan kepada pihak KMMB melalui saluran yang disediakan.

BADAL HAJI 1447H/ 2026



PAKEJ TERMASUK

- BADAL HAJI
- BADAL UMRAH
- INFAQ AL-QURAN CETAKAN MADINAH
- SIJIL BADAL HAJI

CENDERAHATI

- KURMA
- SEJADAH
- TASBIH
- MINYAK ATAR

MAKLUMAT LANJUT

SILA HUBUNGI

FAZIRA 011-6411 3154

HJ TARMIZI 013-698 8266



Webinar MTTM

Aktiviti ini telah dijalankan pada 28 Mac 2026 secara dalam talian melalui Microsoft Teams bertujuan untuk membincangkan KPI bagi produk seperti Umrah, Korban, Pakej Pelancongan, Infaq Perigi dan Badal Haji serta melibatkan ahli JKPK dan pihak berkaitan dalam memastikan setiap produk yang ditawarkan dapat diperkukuhkan dari segi pemasaran dan pencapaian sasaran.

Hasil daripada aktiviti ini, beberapa perkara penting telah dibincangkan secara terperinci termasuk pendekatan pemasaran digital melalui tiga platform utama iaitu Facebook (iklan berasaskan sasaran dan jaringan kenalan sedia ada), Google (pemasaran berdasarkan carian pelanggan yang mencari pakej berkaitan) dan WhatsApp (perkongsian maklumat secara terus kepada anggota KMMB, MTTM dan JKPK) bagi meningkatkan capaian dan keberkesanan promosi.

Selain itu, turut dibincangkan strategi penjualan pakej yang lebih agresif melalui pelaksanaan promosi atau kempen yang konsisten di media sosial serta platform sedia ada seperti Instagram dan TikTok bagi menarik minat pelanggan baharu dan mengekalkan pelanggan sedia ada. Di samping itu, satu penerangan ringkas juga telah diberikan mengenai konsep “travel dulu bayar kemudian” iaitu satu inisiatif berbentuk tabung pelancongan yang didaftarkan melalui koperasi, di mana ahli boleh merancang perjalanan lebih awal dengan kaedah bayaran yang lebih fleksibel, sekaligus membantu meningkatkan penyertaan dan memudahkan perancangan ibadah serta pelancongan dalam kalangan ahli.

Penyertaan Staf KMMB dalam Kursus Amalan ESG

Penyertaan Staf KMMB dalam Kursus Amalan ESG Perniagaan Koperasi Mampan

Pada 5 Februari 2026, beberapa orang staf Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) telah menyertai program Bicara Ilmu: Amalan ESG – Perniagaan Koperasi Mampan yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Program ini berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 petang dan memberi pendedahan berkaitan konsep serta pelaksanaan ESG dalam sektor koperasi.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai kepentingan amalan ESG (Environmental, Social, and Governance) dalam memastikan kelestarian dan daya saing organisasi. Melalui perkongsian yang disampaikan, peserta didedahkan dengan pendekatan praktikal bagaimana elemen ESG boleh diterapkan dalam operasi harian serta pengurusan perniagaan koperasi.

Selain itu, program ini turut menekankan bahawa ESG bukan sekadar tanggungjawab organisasi, malah perlu bermula daripada individu. Konsep ini selari dengan pendekatan yang menitikberatkan pembentukan nilai integriti peribadi, amalan lestari serta budaya kerja yang lebih bertanggungjawab dalam kalangan warga kerja.

Sepanjang sesi berlangsung, para peserta juga berpeluang untuk memahami kepentingan pemantauan amalan ESG secara konsisten serta bagaimana ia boleh diterjemahkan kepada prestasi organisasi yang lebih mampan dan berdaya tahan dalam jangka masa panjang.

Penyertaan staf KMMB dalam kursus ini diharap dapat memberi manfaat dalam memperkukuhkan amalan tadbir urus yang baik, meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian serta menyumbang kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan, malah membuka perspektif baharu kepada peserta dalam mengaplikasikan prinsip ESG secara menyeluruh dalam persekitaran kerja dan kehidupan seharian.

IBADAH KORBAN /AQIQAHA

AIDILADHA
1447H 2026

KEMBOJA

LEMBU

SEEKOR : RM2,730

1 BAHAGIAN : RM390



KAMBING

SEEKOR : RM710

MAKLUMAT LANJUT


SILA HUBUNGI

FAZIRA

011-6411 3154

HJ TARMIZI

013-698 8266



PERUTUSAN TIMBALAN PENGERUSI



Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita terus diberi peluang untuk memperkukuh peranan dan sumbangan dalam memajukan koperasi yang kita cintai ini.

Melalui perkembangan semasa, jelas bahawa koperasi mempunyai potensi yang besar untuk terus berkembang, namun memerlukan komitmen berterusan daripada semua anggota. Antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah penglibatan aktif anggota, pemantapan pegangan saham serta kesedaran terhadap manfaat yang ditawarkan oleh koperasi, di samping usaha pendigitalan sistem seperti iCoop bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan capaian maklumat.

Dalam aspek hartanah, koperasi kini berada pada fasa penting untuk mengoptimumkan aset sedia ada melalui pembangunan dan penjanaan nilai yang lebih tinggi. Usaha ini memerlukan kerjasama strategik serta sokongan semua pihak agar setiap aset dapat dimanfaatkan secara maksimum demi kelangsungan dan kestabilan kewangan koperasi, selari dengan penggunaan sistem digital yang lebih tersusun.

Selain itu, usaha menarik lebih ramai anggota baharu khususnya golongan muda serta mengaktifkan semula anggota sedia ada adalah amat penting bagi memastikan kesinambungan koperasi pada masa hadapan. Kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai anggota perlu dipupuk agar manfaat koperasi dapat dinikmati secara menyeluruh.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memperkukuh iltizam, meningkatkan kerjasama dan memainkan peranan masing-masing dengan penuh amanah demi memastikan koperasi ini terus maju, berdaya saing dan memberi manfaat kepada semua anggota.

Sekian, terima kasih.

Haji Muhammadewa Bin Said @ Ibrahim
Timbalan Pengerusi KMMB